

PRU-13: Bubar Parlimen 3 April untuk genapkan 4 tahun - Najib
Utusan Online
04 April, 2013

KUALA LUMPUR 4 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau memilih tarikh 3 April 2013 untuk membubarkan Parlimen kerana mahu menggenapkan tempoh empat tahun pentadbirannya.

Najib menegaskan, tarikh empat tahun penting bagi sesebuah kerajaan yang memerintah kerana ia membolehkan rakyat menilai keberkesanan dasar transformasi dalam kerajaan, ekonomi, politik dan sosial yang beliau perkenalkan.

Katanya, tuduhan pembangkang kononnya kerajaan takut untuk membubarkan Parlimen lebih awal adalah mengarut kerana negeri di bawah mereka sendiri tiada satu pun yang bertindak membubarkan Dewan Undangan negeri (DUN) lebih awal. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130404/px_50/PRU-13-Bubar-Parlimen-3-April-untuk-genapkan-4-tahun---Najib